

07/09/1998

3 lagi Exco Pemuda bidas Zahid

KUALA LUMPUR, Ahad - Tiga lagi anggota Exco Pemuda Umno menyatakan rasa kecewa terhadap ketua pergerakan itu, Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang dilaporkan menyokong gerakan reformasi bekas Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mereka - Zulkifli Alwi, yang juga Setiausaha Pemuda Barisan Nasional (BN), Zein Isma Ismail dan Mohd Supardi Md Noor - turut menyokong kenyataan beberapa ketua Pemuda negeri yang kecewa kerana Zahid belum memanggil mesyuarat Exco pergerakan itu untuk menetapkan pendirian berhubung pemecatan Anwar.

"Kami kecewa dengan pembabitan Zahid, yang juga Pengerusi Pemuda BN dengan gerakan reformasi itu walaupun beliau telah menyatakan pendirian mewakili Pemuda BN untuk taat kepada kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah politik dan ekonomi negara," kata Zulkifli pada sidang akhbar yang turut dihadiri Zein Isma dan Supardi.

Tiga anggota Exco itu menggesa Zahid meletak jawatan dan keluar daripada parti jika mahu membabitkan diri dalam gerakan reformasi itu.

Mereka juga meminta Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang, Dr Rahim Ghouse dan Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan, Ruslan Kassim menyatakan pendirian mereka selepas dilaporkan turut berada bersama-sama Zahid serta penyokong Anwar.

Zein Isma pula berkata, tindakan Zahid untuk terus menyokong Anwar menimbulkan tanda tanya kerana beliau turut menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, yang sebulat suara membuat keputusan memecat Anwar.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Kelantan, Zaiyadi Awang Noh berkata, Pemuda Umno negeri menghormati keputusan MT memecat Anwar.

"Kami berdiri teguh dan menyokong penuh kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan demi memastikan kestabilan parti, bagi menghadapi pilihan raya akan datang," katanya yang juga Exco Pemuda Umno, dalam satu kenyataan.

Menurutnya, pendirian itu diputuskan dalam perjumpaan Ketua-ketua Pemuda Umno bahagian Kelantan selepas mereka menghadiri taklimat Umno Kelantan dengan Dr Mahathir di ibu negara semalam.

Di ALOR STAR, Pemuda Umno Kedah kesal dengan tindak tanduk Ahmad Zahid dalam menangani isu pemecatan Anwar.

Mesyuarat khas Pemuda Umno hari ini berpendapat, sejak Anwar dilucutkan jawatan Rabu lalu, Zahid gagal mengambil pendirian yang tetap bagi Pergerakan Pemuda Umno.

Sehubungan itu, Pemuda Umno Kedah meminta Pergerakan Pemuda Umno mengadakan mesyuarat segera bagi mengelakkan Pemuda Umno negeri terkapai-kapai tanpa haluan.

Resolusi itu diputuskan sebulat suara. Semua ketua bahagian hadir kecuali Ketua Pemuda Umno Sik, Hamlan Din.

Keputusan itu dibacakan Naib Ketua Pemuda negeri yang juga Ketua Pemuda Bahagian Baling, Wahab Din, disaksikan Ketua Pemuda Umno negeri, Abdul Halim Said dan semua Ketua Pemuda Bahagian lain.

(END)